

Kerana sama seperti tubuh itu satu dan anggota-anggotanya banyak, dan segala anggota itu, sekalipun banyak, merupakan satu tubuh, demikian pula Kristus. Sebab dalam satu Roh kita semua, baik orang Yahudi, maupun orang Yunani, baik hamba, maupun orang merdeka, telah dibaptis menjadi satu tubuh dan kita semua diberi minum dari satu Roh.

1 Korintus 12:12-13

Mei 19, 2024

[www.heraldmalaysia.com](http://www.heraldmalaysia.com)

## Harapan tidak mengecewakan

**TAKHTA SUCI:** Tahun Jubli 2025 bagi Gereja Katolik diisytiharkan secara rasmi pada Mei 9, 2024 oleh Sri Paus Fransiskus, yang mengetuai pembacaan rasmi *papal bull* atau titah kepausan bertajuk “*Spes Non Confudit*” (Harapan Tidak Menggecewakan) mengisyiharkan bahawa Tahun Jubli secara rasmi akan bermula dengan pembukaan Pintu Suci Basiliaka Sto Petrus pada malam Natal 2024.

Sri Paus Fransiskus seterusnya memutuskan bahawa setiap katedral Katolik di seluruh dunia harus mengadakan Misa pada Disember 29, 2024, sebagai pembukaan besar-besaran Tahun Jubli untuk komuniti tempatan mereka.

Bapa Suci turut menggalakkan setiap keuskupan untuk menganjurkan ziarah ke katedral untuk acara tersebut. Jubli 2025 akan diakhiri secara rasmi dengan penutupan Pintu Suci Basiliaka Sto Petrus pada Januari 6, 2026, pada hari raya Epifani.

“Semoga Tahun Jubli menjadi momen perjumpaan peribadi yang asli dengan Tuhan Yesus iaitu ‘pintu’ keselamatan kita (Yoh 10:7,9), yang ditugaskan Gereja untuk memberitakan selalu, di mana-mana sahaja dan kepada semua orang sebagai ‘harapan kita’ (1 Tim 1:1),” tulis Sri Paus Fransiskus dalam titah kepausannya.

### Harapan menopang kita dalam perjalanan hidup

Menggambarkan konsep dan realiti harapan Kristian yang “tidak boleh binasa” dan “tidak pudar”, Sri Paus berkata harapan mengekalkan kita dalam perjalanan hidup kita, walaupun mengharungi detik dan masa yang paling gelap dan paling sukar. Harapan membuka mata kita kepada kemungkinan masa depan dan membuat kita melihat janji



**Sri Paus Fransiskus rasmi Tahun Jubli 2025**

kebaikan pada masa-masa kejahanat kelihan manang.

“Harapan Kristian menjadikan kita mengimpikan manusia baharu dan memberi kita keberanian untuk membina dunia persaudaraan dan damai, walaupun ia kelihatan hampir mustahil.”

### Harapan diperlukan oleh Gereja

“Harapan diperlukan oleh Gereja,” tambah Sri Paus Fransiskus. Harapan menjadikan Gereja tidak pernah lupa bahawa “sebagai Pengantin Kristus, dia dikesasi dengan kasih yang kekal dan setia, dipanggil untuk menjunjung tinggi terang Injil dan diutus dengan semangat meraul kepada semua bangsa.”

Pada masa-masa kegelapan, walaupun ketika kita berasa tertekan disebabkan oleh keputusasaan dan tanpa disedari mendambakan ke-

hadiran Tuhan, kita diingatkan akan kata-kata seorang ahli teologi iaitu Fr Romano Guardini yang menulis bahawa apabila kegelapan menyelubungi kita, orang bertanya: “Tuhan, di manakah Engkau? Mereka sekali lagi akan mendengar jawapannya: ‘Lebih dekat dengan kamu daripada sebelumnya!’”

“Saudara-saudara, semoga Tuhan, yang telah bangkit dari antara orang mati dan telah naik ke Syurga, memberikan kita rahmat untuk menemukan kembali harapan, untuk mewartakan harapan dan untuk membina harapan.

Dalam titah kepausannya, Bapa Suci Fransiskus juga menggesa keperluan untuk keamanan di dunia, yang katanya pada masa ini “tenggelam dalam tragedi perang.”

“Semoga Jubli mengingatkan kita bahawa mereka yang membawa damai akan dipanggil

Sri Paus Fransiskus berkontemplasi di hadapan Pintu Suci Basiliaka Sto Petrus semasa pengisytiharan rasmi Tahun Jubli 2025. Gambar: Media Vatikan.

‘anak-anak Tuhan’ (Mat 5:9). Keperluan untuk keamanan mencabar kita semua dan menuntut mengambil langkah konkret.

Semoga diplomasi tidak jemu mencari, komited, berani dan kreatif, menggunakan setiap peluang untuk menjalankan rundingan yang bertujuan untuk keamanan yang berkekalan.”

Jubli adalah tahun suci khas rahmat dan ziarah dalam Gereja Katolik. Ia biasanya berlaku sekali pada setiap 25 tahun, namun Sri Paus boleh menganjurkan tahun jubli luar biasa dengan lebih kerap, contohnya Tahun Belas Kasihan pada tahun 2016 dan Tahun Iman 2013. — CNA/media Vatikan

## Kristian, Buddha harus kerjasama demi keamanan

**VATIKAN:** Penganut Katolik dan Buddha membenci perang, tetapi peningkatan jumlah konflik bersenjata di dunia menunjukkan keperluan bagi penganut untuk mengambil langkah praktikal bagi mengatasi kebencian dan menggalakkan perdamaian, kata pegawai Vatikan Dikasteri untuk Dialog Antara Agama.

Menulis kepada penganut Buddha di seluruh dunia yang bersiap sedia untuk merayakan Wesak, perayaan yang memperingati kelahiran, pencerahan dan kematian Buddha, Dewan Kepausan itu berkata, “Peningkatan konflik yang berterusan di seluruh dunia memerlukan perhatian serta kepekaan bagi menangani isu kritikal keamanan dan renungan

kita sendiri: Bagaimana kita dapat membantu menghentikan perperangan ini?”

Pesan Hari Wesak ditandatangani oleh Kardinal Miguel Ángel Ayuso Guixot, prefek dikasteri, dan Msgr Indunil Janakaratne Kankamalage, setiausaha, diterbitkan pada Mei 6.

Kebanyakan penganut Buddha akan menyambut Wesak pada Mei 22 tahun ini.

Pesan itu juga memetik kata-kata mendiang Uskup Agung Anglikan Afrika Selatan, Desmond Tutu, yang berkata, “Memaafkan dan berdamai bukan tentang berpura-pura bahawa perkara ini baik-baik sahaja. Ia tidak menutup mata kepada yang salah, perdamaian yang sebenar mendedahkan kengerian,



**Seorang sami Buddha merayakan hari Wesak di Surabaya, Indonesia. Gambar: Media Vatikan.**

penderitaan, kesakitan, kehinaan, kebenaran.”

Pada akhir pesan itu menekankan, “Ajaran agama Kristian dan Buddha menunjukkan bahawa apabila pengampunan diusahakan, hubungan yang terputus dipulihkan, mereka yang terasing akan diterima, di damaikan dan keharmonian dipulihkan.”

Dengan rekonsiliasi dan ketabahan luka masa lalu dapat diubati dan ikatan yang lebih kuat akan terjalin demi menghadapi cabaran hidup dengan tabah dan optimis. — media Vatikan

# Semua yang dibaptis diajak berdoa seperti paderi

Kita semua adalah paderi berkat dari pembaptisan kita, dan dengan itu diajak, iaitu, untuk berdoa bagi dunia sebagai paderi melalui doa Kristus dan Gereja. Apakah maksudnya sebenarnya?

Setiap orang yang dipermandikan sebagai seorang Kristian dibaptis dalam keimaman Yesus Kristus.

Keimaman diberikan kepada semua orang Kristian yang dibaptis dan bukan hanya hak prerogatif, malah dibaptis dengan tanggungjawab sama seperti mereka yang ditahbiskan secara rasmi untuk pelayanan, dan dengan ini, pembaptisan membawa jemputan kepada semua orang Kristian dewasa.

Jemputan ini adalah sesuatu yang sangat konkret. Kita tidak perlu berfikir tentang apa yang kita mahu lakukan atau mencipta sesuatu.

Sebaliknya, kita dijemput untuk menyertai satu praktik yang bermula dari para Kristian awal dan diturunkan kepada kita hari ini, iaitu, amalan berdoa dua set doa yang mempunyai pelbagai nama, untuk didoakan setiap hari yang dipanggil: Ibadat Harian, *The Divine Office*, *The Canonical Hours* atau *The Breviary*.

Sejak zaman biarawan Kristian terawal, doa-doa ini telah menjadi elemen utama dalam doa Gereja, Katolik dan bukan Katolik. Terdapat lapan set doa sedemikian, masing-masing bertujuan untuk diucapkan pada waktu yang berbeza dalam sehari dan dikaitkan dengan suasana dan cahaya waktu itu.

Lapan rakaat doa ini ialah: *Lauds* (didoakan pada waktu subuh); *Prime* dan *Terce* (didoakan pada waktu pagi); *Sext* (tengah hari); *None* (bila-bila masa pada waktu tengah hari); *Vespers* (didoakan ketika hari kerja berakhir); *Compline* (didoakan pada waktu malam); dan *Vigils* (didoakan pada jam tertentu waktu malam).



Dengan berdoa Ibadat harian, kita berdoa seperti paderi, mendoakan doa Kristus dengan tubuhNya, Gereja.

Lihatlah nama doa ini. Ibadat Harian (*The Liturgy of the Hours*).

Dan doa ini perlu dibezakan dari doa peribadi kita. Ibadat Harian bukan meditasi peribadi, tetapi ia adalah apa yang dipanggil sebagai doa umum, doa liturgi, doa Gereja, doa Kristus untuk dunia.

Sebaik-baiknya, Ibadat Harian didoakan secara komunal, tetapi ia tetap doa umum Gereja walaupun ia didoakan sendirian.

Matlamat doa-doa dalam Ibadat Harian adalah untuk menyertai doa rasmi Gereja dan berdoa bersama ribuan (mungkin berjuta-juta) orang Kristian di seluruh dunia yang sedang mendoakan doa imamat Kristus untuk dunia.

Oleh kerana ini adalah doa-doa Gereja dan bukan doa kita sendiri, kita tidak bebas untuk mengubahnya atau menggantikannya dengan doa-doa ini mengikut sikap, ketakwaan atau

citarasa teologi kita.

Doa-doa ini tidak semestinya bermakna secara peribadi kepada kita setiap hari. Kita berdoa Ibadat Harian sebagai paderi, doa yang sangat penting dan indah, kita berdoa sebagai paderi yang menawarkan doa untuk dunia, tanpa mengira ia bermakna secara afektif kepada kita pada hari tertentu atau sepanjang tempoh hidup kita.

Memenuhi tanggungjawab memang selalunya tidak memberi makna secara afektif. Tetapi semasa mendoakan doa-doa ini, kita memikul salah satu tanggungjawab kita sebagai orang Kristian dewasa, iaitu berdoa bersama Gereja, bersama Kristus, untuk dunia.

Dua waktu berdoa (Pagi dan petang) di mana kita dijemput untuk berdoa setiap hari mengikut struktur yang mudah: tiga mazmur, bacaan kitab suci yang singkat,

nyanyian Kristian kuno (Benediktus atau Magnifikat), satu siri permohonan pendek, Doa Bapa Kami dan doa penutup.

Jadi, ini adalah jemputan: sebagai seorang Kristian dewasa, sebagai seorang paderi rahmat dari pembaptisan anda, sebagai seorang wanita atau lelaki yang prihatin terhadap dunia dan Gereja, saya menjemput anda untuk menyertai beribu-ribu orang Kristian di seluruh dunia dan setiap hari berdoa Ibadat pagi Gereja (*Lauds*) dan Ibadat Senja (*Vesper*).

Kemudian, seperti Kristus, sebagai paderi, anda akan mempersembahkan korban untuk dunia.

Selepas itu, apabila anda menonton berita dunia dan berasa kecil hati dan tidak berdaya menghadapi semua yang tidak betul di dunia dan bertanya kepada diri sendiri, apakah yang boleh saya lakukan? Nah, anda boleh melakukan sesuatu yang sangat nyata, berdoa bersama Kristus dan Gereja untuk dunia.

Di manakah anda boleh mendapati doa-doa ini, doa harian *Lauds* dan *Vespers*? Buku yang mengandungi doa-doa ini boleh dibeli dari mana-mana pusat penerbitan agama, Katolik atau Protestan.

Malah, sebenarnya, tidak perlu membelinya. Hari ini ia boleh didapati (percuma) dalam talian. Hanya libatkan enjin carian anda dan taip *The Liturgy of the Hours* atau *breviary* dan anda akan menemuiinya.

Dalam mendoakan doa-doa ini setiap hari, sama ada bersendirian atau (idealnya) dengan orang lain, anda akan memikul kuasa istimewa dan tanggungjawab yang diberikan kepada anda dalam pembaptisan anda serta akan memberikan hadiah penting kepada dunia.

Dan anda tidak perlu lagi bergelut dengan persoalan, bagaimana saya harus berdoa hari ini? — *Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser*

## Umat beriman tidak boleh pasif!

**Y**esus datang untuk mewartakan kabar gembira dan berbuat baik, menolong setiap orang yang berkehendak baik, bahkan orang mati pun dibangkitkan-Nya kembali.

Tetapi realitinya, Dia mengalami pelbagai kesukaran: Dia ditolak, diusir, dikejar, dihina. Mahu tak mahu, murid-murid yang mahu mengikuti dan mahu berbuat seperti Dia, juga harus mengambil bahagian dalam kesukaran hidup Guru mereka itu! Sementara itu, Jesus telah naik ke syurga, tidak akan hadir lagi bersama dan di tengah-tengah mereka.

Dapat dimengerti bahawa para murid ini bertanya: sejauh manakah mereka sebagai murid-murid-Nya dapat bertahan hidup menghadapi pelbagai karenah orang ramai yang menentang mereka? Apakah mereka harus hidup sendirian tanpa Dia? Bagi kita umat Kristian sekarang ini, bukankah kita juga mengalami situasi dan keadaan seperti ini?

Bagi menghadapi situasi serupa, Injil pada hari Minggu ini mahu membantu kita agar tidak takut, tidak khawatir, putus asa atau kecewa. Jangan menyesal kerana menjadi pengikut Kristus.

Sesudah Jesus naik ke syurga, murid-murid-Nya tidak dapat mencari atau menampilkan seorang pemimpin yang

hebat dan yang mampu melaksanakan hal-hal yang besar.

Tiga tahun bergaul dan hidup bersama Yesus, yang telah membuktikan bahawa Dia adalah Mesias, yang diutus Tuhan melalui ajaran, perbuatan, penderitaan, kematian dan kenaikan-Nya ke syurga.

Tetapi semua itu ternyata belum cukup untuk memiliki keberanian melaksanakan panggilan mereka, untuk mewartakan dan meneruskan apa yang dilakukan Yesus.

Bukankah ketakutan atau sikap kita yang belum berani tampil, hidup dan bertindak sebagai orang Kristian sejati, atau sebagai murid Yesus tulen di dalam masyarakat sebagai “kumpulan minoriti”, pada dasarnya sama dengan ketakutan yang dirasai oleh murid-murid Yesus dahulu?

Jesus sudah tahu keadaan dan keterbatasan murid-murid-Nya. Maka sebelum meninggalkan mereka, Jesus sudah berjanji akan mengirimkan seorang Penolong, yang akan mendampingi mereka menghadapi kesukaran hidup dan tugas panggilan mereka.



Penolong ini adalah Roh Kudus, yang diutus oleh Tuhan Bapa melalui Yesus Kristus kepada segenap murid-Nya. Inilah yang oleh Yesus disebut “Penolong yang akan Ku utus dari Bapa” (Yoh 15:26). Dan ditegaskan bahawa “Roh kebenaran yang keluar dari Bapa, Ia akan bersaksi tentang Aku”. Kebenaran apa? Yakni bahawa apa yang dikatakan dan dilakukan Yesus dalam hidup-Nya itu benar-benar datang dari Tuhan Bapa!

Berkat Roh inilah apa yang diajarkan Yesus adalah benar, Dia menyembuhkan orang sakit, mengusir Syaitan, menghibur orang dalam kesusahan, mengajar dan membimbing semua orang.

Seperti yang dialami oleh Yesus, demikian pula Roh Penolong ini akan menolong murid-murid-Nya.

Roh itu akan datang dalam kehidupan mereka, dan lewat mereka itulah Roh itu akan mengatakan apa yang harus dikatakan oleh murid-murid Yesus.

Dengan tujuan itulah Yesus menegaskan kepada murid-murid-Nya: “Kamu juga

## HARI MINGGU PENTAKOSTA (TAHUN B)

**KISAH PARA RASUL 2:1-11  
GALATIA 5:16-25  
INJIL YOHANES 15:26-27;  
16:12-15**

harus bersaksi, kerana kamu sejak semula bersama-sama dengan Aku” (Yoh 15:27).

Kesaksian yang diperintahkan Kristus ialah, bahawa kita sebagai orang beriman tidak boleh hanya pasif, acuh tak acuh dan hanya minta ditolong, tetapi harus aktif, yakni menolong orang lain, seperti yang dilakukan oleh Yesus sendiri sebagai kesaksian perutusan hidup dan karya-Nya.

Hanya dengan demikianlah, kita adalah sungguh murid Kristus sejati, orang kristiani sejati, di mana Roh Kristus, Roh Penolong, sungguh hadir dan menjawi dan menyemangati kita.

Marilah kita dalam merayakan Hari Raya Pentakosta ini dan semakin menyedari, bahawa kita telah menerima Sakramen Pembaptisan dan Krisma, maka semoga kita makin berani menjaga, memelihara dan menghayati jati diri/identiti autentik kita sebagai orang Kristian sejahtera. — *Msgr. F.X. Hadisumarta O.Carm.*

# Uskup Cornelius pimpin Misa untuk anggota polis

KENINGAU: Ibu Pejabat Polis Daerah Keningau (IPD) meraikan Hari Polis ke-217 di Pusat Ziarah Keluarga Kudus, Nulu Sosopon pada April 28 lalu.

Seramai 260 anggota polis yang diketuai oleh OCPD Superitendant Yumpil Anak Garai hadir dalam Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong.

Bapa Uskup Cornelius yang menyambut ulang tahun episkopalnya yang ke-31 baru-baru ini, menjelaskan bahawa kesatuan itu

penting kerana ia memperkuat tubuh Kristus dan menjadikan kehidupan kita sebagai Kristian, lebih indah.

Oleh itu, bagaimana menjalin kesatuan dengan Yesus? Prelatus itu menjelaskan, melalui Ekaristi, doa peribadi dan pelayanan kita kepada Gereja dan sesama seraya menambah kesatuan dengan Yesus akan membantu anggota polis menjalankan tanggungjawab mereka dengan berani dan adil.

OCPD IPD Keningau

Superitendant Yumpil Anak Garai dalam ucapannya mengucapkan terima kasih kepada Uskup Cornelius Piong kerana sudi merayakan Misa Kudus sempena hari polis tersebut.

“Hari Polis ini diadakan bukan sahaja untuk merayakan anggota-anggota, tetapi juga agar mempererat kerjasama di antara polis dan masyarakat sejajar dengan tema Polis Diraja Malaysia (PDRM) iaitu “Polis dan Masyarakat berpisah tiada,” ujar ketua IPD Keningau itu.



Uskup Cornelius Piong dalam ucapannya juga mengatakan, “Terima kasih kepada kamu (anggota polis), sekiranya kamu tiada, mungkin kami tidak akan dapat hidup aman dan damai.” — Juanis

## Kekuatan dalam Doa Kelompok



BANTING: Komuniti Umat Katolik Berbahasa Malaysia Sts Peter & Paul (SPP) telah mengadakan Bengkel Mini Doa Kelompok yang disertai 60 peserta.

Bengkel ini umpsama batu asas kepada penubuhan Tim Doa Kelompok KUBM SPP Banting yang diketuai oleh Linda Anne Ensil, dibantu oleh Gregory Anak Rama selaku Ketua KUBM paroki SPP.

Doa Kelompok adalah salah satu

cabang pelayanan yang agak penting dalam Gereja kerana ia memberi impak yang mendalam dari segi rohani umat selain mendorong umat lebih menyembah Ekaristi serta mendorong warga Katolik untuk menyebarkan Khabar Gembira.

Bengkel itu diadakan untuk menyampaikan penjelasan manfaat menyertai Doa Kelompok serta mempromosi pelayanan karismatik di kalangan kaum muda.

Sesi ceramah disampaikan

oleh Sdra Egbert Adolf Naintin, Pengurus Kerasulan Bahasa Malaysia Keuskupan Kuala Lumpur (ABMA).

KUBM Banting berterima kasih kepada Sdra Egbert yang memberi tunjuk ajar kepada mereka yang masih ragu-ragu atau kurang yakin terhadap kebaikan Doa Kelompok dan juga kepada Fr Eugene Benedict kerana memberi sokongan padu pada program KUBM.

## LOM Yohanes Penginjal sambut ulang tahun ke-21

SENAGANG, KENINGAU: Presidium Legion of Marie (LOM) menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-21 di St Yohanes Penginjal Senagang. Presidium Legion Of Marie ditubuhkan di Senagang pada Mac 31, 2003.

Penubuhan ini adalah yang pertama di KUK St Yohanes Penginjal Senagang.

LOM KUK Senagang terbahagi kepada dua iaitu Presidium Ratu Para Rasul dan Presidium Ratu Para Martir.

Perayaan ulang tahun ini dirai-



kan dengan Misa Kudus dipimpin oleh Fr Joseph Gapitang di Gereja St Yohanes Penginjal Senagang.

Dalam homilinya, Fr. Joseph berpesan kepada ahli-ahli LOM agar sering berandal kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit agar iman dan semangat merasul di kalangan anggota LOM sentiasa teguh.

Fr Joseph turut menyeru kepada kedua-dua Presidium KUK Senagang untuk melebarkan sayap sekitar Zon Senagang yang belum menubuhkan LOM. — KOMSOS STYPS

## Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

**HERALD**  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:  
liza@herald.com.my

## Mengapa doa dipanggil “pertempuran rohani”?

Doa adalah perjuangan, yang dikatakan oleh Katekismus Gereja Katolik sebagai “pertempuran rohani.” Secara umumnya, doa sering dikaitkan dengan damai, perasaan gembira dan sukacita.

Walau bagaimanapun, doa dipanggil “pertempuran” oleh Gereja Katolik. Kenapa begitu?

Berikut merupakan penjelasan dalam Katekismus Gereja Katolik: Doa adalah anugerah rahmat dan satu jawaban tegas daripada pihak kita. Ia selalu menuntut satu usaha. Pendoa-pendoa dari Perjanjian Lama sebelum Kristus, juga Bonda Tuhan dan para kudus serta Yesus sendiri mengajarkan kita bahawa berdoa bererti berjuang (KGK 2725).

Doa adalah pertempuran atau perjuangan kerana ia memerlukan usaha. Memang benar bahwa doa adalah anugerah dan kita bergantung kepada banyak rahmat Tuhan semasa berdoa, kita juga perlu berusaha untuk berdoa.

Jika kita tidak berusaha untuk berdoa, kita mungkin tidak akan pernah berdoa. Inilah sebabnya mengapa Gereja mengatakan doa itu adalah pertempuran.

### Musuh-musuh doa

Melawan siapa? Melawan diri kita sendiri dan melawan tipu muslihat penggoda yang melakukan segala-galanya untuk mencegah manusia dari doa, dari persatuan dengan Tuhan (KGK 2725).

Seperti yang dinyatakan dalam KGK, doa

bukan sahaja berperang melawan diri kita sendiri, tetapi juga melawan Syaitan dan kuasa-kuasa iblis. Syaitan tidak mahu kita bersatu dengan Tuhan, jadi dia melakukan semua yang boleh untuk menghalang kita daripada berdoa.

Syaitan juga akan cuba mengalih perhatian kita atau menggoda kita semasa berdoa, dengan harapan kita terleka dan tidak khusyuk berdoa.

Dengan helahnya, doa kita boleh menjadi pasif di mana kita tidak dapat duduk dengan tenang dan menikmati rahmat Tuhan. Oleh itu, untuk mencapai kedamaian dalam berdoa, kita mesti berperang melawan banyak musuh yang cuba menghalang kita daripada bersatu dengan Tuhan.

Kuncinya ialah menjadikan doa sebagai kebiasaan dan terus berusaha untuk berperang melawan kuasa-kuasa yang cuba menghalang kesatuan kita dengan Tuhan.

### Pertempuran dalam doa sepanjang kehidupan

Kita berdoa sebagaimana kita hidup, kerana kita hidup sebagaimana kita berdoa. Siapa yang tidak selalu mahu bertindak dalam semangat Kristus, dia juga tidak akan terbiasa untuk berdoa dalam nama-Nya. “Perjuangan rohani” dari kehidupan seorang Kristian tidak dapat dipisahkan dari perjuangan doa (KGK 2725).

Selagi kita bernafas di bumi ini, kita akan terus berjuang untuk berdoa. Hanya pada penghujung hayat kita, kita akan dapat berehat dalam pelukan Bapa kita yang penuh kasih.

### Soalan II: Apakah Yesus mengangkat suara ketika berdoa atau hanya hening?

Semasa Yesus hidup di bumi ini 2,000 tahun yang lalu, Dia telah mengajar murid-muridnya melalui kata-katanya dan memberikan teladan untuk diikuti terutamanya berkaitan doa.

Yesus sering ditemui berdoa dalam diam, berundur daripada kerumunan orang ramai untuk berdoa dalam hening. Namun, dia juga berdoa dengan kuat, menggunakan kata-kata yang dapat didengar oleh murid-muridnya.

Katekismus Gereja Katolik (KGK) menjelaskan bagaimana Yesus mengajar para murid-Nya tentang kepentingan berdoa vokal atau lisan.

Doa lisan merupakan unsur hakiki dalam kehidupan Kristian. Kristus mengajar murid-murid-Nya yang merasa tertarik pada doa batin dari Gurunya, satu doa lisan: Bapa Kami. Yesus tidak hanya mendoakan doa-doa liturgi dalam sinagoga, tetapi — seperti yang ditunjukkan Injil kepada kita — Dia sendiri mengangkat suara, mengucapkan doa peribadi-Nya.


Doa-doa-Nya terbentang dari memuji Bapa dengan penuh gembira (Mat 11:25-26) sehingga kepada permohonan dalam sakratul maut di taman Getsemani (Mrk 4:36).

Jika kita ingin meneladani setiap aspek kehidupan Yesus, kita perlu memastikan untuk mengambil bahagian dalam doa senyap dan ber-suara. Adalah lebih bermakna jika kita boleh berdoa lisan sendiri dan dengan sesama. — Aleteia, Katolisitas, KGK


# Sahabat kecil Yesus

Ketika Yesus menampakkan diri kepada murid-murid-Nya semasa mereka berkumpul di suatu tempat dengan pintu berkunci, apakah yang dikatakan oleh Yesus? Bongkar kod rahsia di bawah untuk membaca sabda Yesus.

Mari  
Mewarna



Cari SEPULUH perbezaan pada gambar di bawah.



Mari  
Berdoa

"Utuslah, Roh-Mu, ya Tuhan, dan jadi baharu seluruh muka bumi....  
Tuhanmu, nama-Mu hendak ku puji, Engkau amat agung dalam sinar kebesaran....

Utulah, Roh-Mu, ya Tuhan, dan perbaharui seluruh muka bumi..."

Hello adik-adik,

Pada hari Minggu ini, kita merayakan Hari Raya Besar Pentakosta.

Pentakosta adalah kepenuhan rahmat Tuhan kepada manusia.

Pada hari raya Natal, Tuhan telah mengaruniakan Yesus Kris-

tus Putera-Nya yang tunggal kepada dunia, agar dapat membawa keselamatan kepada seluruh umat manusia.

Semasa Paskah, Kristus memberikan diri-Nya seluruhnya kepada kita, melalui wafat-Nya di kayu salib dan Dia bangkit dari kema-

tian.

Kebangkitan dan kenaikan-Nya ke Syurga, menjadi janji kemuliaan yang akan Tuhan berikan kepada kita.

Dengan kenaikan-Nya ke Syurga, Yesus mengutus Roh-Nya, iaitu Roh Kudus, kepada kita.

Adik-adik, sempena hari Pentakosta ini, mari kita membuka pintu hati kita kepada Roh Kudus, agar Dia dapat memperbaharui dunia ini dan memberikan kita damai sejahtera!

Salam Sayang  
Antie Melly

# BELIA MILENIUM

## Hari Eksplorasi Kerjaya dedah realiti dunia pekerjaan kepada belia

PULAU PINANG: Gereja Kerahiman Ilahi menyaksikan ramai kehadiran belia, orang dewasa bekerja dan ibu bapa ke pameran kerjaya yang julkung kali diadakan pada April 28 lalu.

"Hari Eksplorasi Kerjaya 2024" menyediakan platform untuk bertemu dengan mereka yang berpengalaman dalam kerjaya, bertanya kepada mereka tentang skop pekerjaan, kesimbangan kerja-rohani, kelayakan yang diperlukan, petua dan idea lain yang tidak ditawarkan di mana-mana pameran kerjaya konvensional.

Menurut para ketua projek tersebut, Loke Yiing Jia dan Alicia Jeremiah Perera, golongan muda sering kekurangan peluang untuk benar-benar memahami sesebuah kerjaya. Selain itu, mereka juga tidak berpeluang bercakap dan bertanya dengan pakar dalam kerjaya pilihan mereka.

Kaum muda mungkin memilih kerjaya berdasarkan maklumat cetek atau mungkin mempunyai jangkaan palsu tentang pekerjaan, sekali gus membawa kepada kekecewaan atau kerap bertukar kerjaya.

Oleh itu, bertemu dengan 53 orang pakar kerjaya, menyediakan sokongan serta mendedahkan kepada kaum muda, realiti dunia pekerjaan.

53 orang "career sharers" terdiri daripada orang dewasa/pesara yang berpengalaman dari pelbagai jenis bidang misalnya



penerbangan, perbankan, pembangunan perniagaan, kejuruteraan, teknologi maklumat, jualan, perubatan dan kesihatan, logistik, rantaian bekalan, perancangan acara, pendidikan, kejuruteraan, komunikasi, korporat, serta arkeologi dan zoologi.

"Hari Eksplorasi Kerjaya" dikunjungi kira-kira 139 pengunjung yang datang dari pelbagai paroki.

Ramai yang tertarik dengan cara unik ini un-



*Hari Eksplorasi Kerjaya di Gereja Kerahiman Ilahi, Pulau Pinang, menawarkan peluang yang tidak akan ditemui dalam mana-mana pameran kerjaya konvensional.*

tuk menemui minat dalam bidang pekerjaan tertentu khususnya di kalangan belia.

Acara ini memberi penjelasan dan pemahaman lebih baik tentang cara memilih kerjaya yang betul dan sudah tentu, mendapatkan pekerjaan pada masa hadapan.

"Acara ini bagus. Saya mempunyai idea yang lebih baik tentang apa yang boleh saya

lakukan sekarang," kata Rose Maria dari Gereja Immaculate Conception, yang kini sedang bekerja.

Seorang belia dari CDM merasakan adalah lebih baik "Hari Eksplorasi Kerjaya" dijalankan dalam tempoh masa lebih lama kerana acara itu banyak memberi manfaat kepada pengunjung.

VENICE, Itali: Perkara pertama yang perlu kita lakukan apabila kita bangun setiap pagi, adalah berterima kasih kepada Tuhan atas anugerah hidup kita dengan mengucapkan sedikit doa: "Ya Tuhanku, terima kasih untuk kehidupan. Tuhanku, jadikan aku jatuh cinta dengan hidupku. Tuhanku, Engkaulah nyawaku," kata Sri Paus Fransiskus semasa bertemu dengan kaum muda Venice di Dataran Basilika St Mary of Good Health.

"Kita berada di sini pada hari ini untuk menemui semula keindahan berhimpun dalam Tuhan yang mengasihi orang muda dan sentiasa memberi kejutan kepada kita."

Prelatus itu juga menyampaikan dua kata kerja yang mencirikan tindakan Perawan Maria sebaik sahaja mendengar dia akan menjadi Bonda Tuhan: "Dia bangun dan pergi."

Oleh itu, Bapa Suci menyeru kaum muda Venica untuk "bangun" kerana kita dijadikan untuk menjadi warga Syurga. Bangkitlah dari kesedihan dan pandanglah ke atas. Bangunlah dan berdiri untuk kehidupan, bukan untuk duduk di sofa."

Sri Paus Fransiskus mengatakan golongan muda mesti melawan "inersia yang menindas", di mana ia mengubah dunia kita menjadi kelabu.

"Semoga kita membenarkan Tuhan memegang tangan kita, kerana Dia tidak pernah mengecewakan mereka yang percaya



kepada-Nya, sebaliknya sentiasa mengangkat, berjalan bersama mereka dan mengam-puni," kata Bapa Suci.

Walaupun kita jatuh atau melakukan kesilapan, Tuhan ada untuk mengangkat kita sebagai Bapa, kerana Dia hanya melihat kita sebagai "anak-anak untuk disayangi dan dilindungi, bukan sebagai penjahat untuk dihukum."

Daripada hidup dengan emosi yang berubah-ubah dan kepuasan seketika, orang Kristian dipanggil untuk bertahan bersama dalam iman dan kasih serta bersatu dalam

*Sri Paus Fransiskus menyeru kaum muda di Venice agar menukar budaya "terpesona pada telefon bimbit" dengan mematikan HP dan berjumpa dengan orang!*

dengan komuniti dalam merayakan Misa.

"Anda mungkin berkata, 'Tetapi di sekeliling saya, semua orang leka dengan telefon bimbit mereka, mata mereka terpaku pada media sosial dan permainan video,'" kata Sri Paus.

"Namun, anda mesti berani melawan arus; libatkan diri; matikan TV dan buka Injin; matikan telefon bimbit anda dan berjumpalah dengan orang!"

Seperti gondola yang melintasi terusan

Venice, anak muda harus mendayung melawan arus dengan membiarkan Tuhan menolong mereka. "Mendayung memerlukan keteraturan. Ketabahan membawa berkat walaupun jalan itu sukar."

Pada akhir homilinya, Sri Paus Fransiskus menggesa golongan muda untuk mencipta doa ringkas dari hati dan menawarkan doa itu kepada seseorang yang masih belum dapat membuka pintu hatinya kepada Roh Kudus. — *media Vatikan*

# Jangan biar keluarga sendirian hadapi luka

VATIKAN: Kesepian menyebabkan kemudaran yang besar, termasuk kepada keluarga, kata Sri Paus Fransiskus kepada pemimpin antarabangsa gerakan awam *Teams of Our Lady*.

"Dengan karisma anda, anda boleh menjadi penyelamat kepada mereka yang memerlukan, mereka yang bersendirian, mereka yang mempunyai masalah keluarga dan tidak tahu bagaimana untuk berakap mengenainya kerana mereka malu atau hilang harapan," katanya semasa bertemu dengan para pemimpin gerakan itu di Vatikan pada Mei 4.

"Di keuskupan anda, anda boleh

membuat keluarga memahami kepentingan membantu satu sama lain dan membentuk rangkaian; membina komuniti di mana Kristus boleh 'diam' di rumah dan dalam hubungan keluarga," katanya.

"Tanpa komuniti Kristian, keluarga berasa keseorangan, dan kesunyian membawa bahaya yang besar!"

Sri Paus Fransiskus mengingatkan bahawa "Keluarga Kristian sedang melalui 'ribut budaya' yang berubah-ubah ini dan mengancam pelbagai bidang."

Oleh itu, kerja pasukan adalah "berharga untuk Gereja" kerana pasukan-pasukan ini "berada rapat dengan pasangan suami isteri supaya

mereka tidak berasa keseorangan dalam kesukaran hidup dan dalam hubungan perkahwinan mereka."

Selain itu, Bapa Suci juga berpesan kepada gerakan *Teams of Our Lady* kepentingan membantu golongan muda "memahami perkahwinan Kristian adalah panggilan, panggilan khusus yang ditujukan Tuhan kepada seorang lelaki dan seorang wanita supaya mereka dapat menyediari sepenuhnya diri mereka sebagai generatif, menjadi bapa dan seorang ibu dan membawa rahmat sakramen mereka ke dalam dunia."

"Anda boleh menjadi seperti nyala api yang menyalakan api lain kepada iman, terutamanya di kalangan



*Gerakan-gerakan awam Katolik diseru meneman keluarga-keluarga bermasalah, jangan biarkan mereka mengumpul derita dan luka — Sri Paus Fransiskus.*

pasangan termuda: jangan biarkan mereka mengumpul penderitaan dan luka dalam kesunyian rumah mereka. Bantu mereka menemui

oksigen iman dengan lembut, sabar dan percaya dalam tindakan dari Roh Kudus," kata Sri Paus Fransiskus. — *media Vatikan*

## Raja Yordan yakinkan Sri Paus akan lindungi tapak suci

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus menerima jaminan daripada Raja Yordan, Abdullah II bahawa tapak suci Kristian dan Islam di Yerusalem akan dilindungi di tengah-tengah perang Israel-Hamas.

Bapa Suci bertemu dengan raja Yordan — sebuah negara Timur Tengah yang mempunyai sempadan terpanjang dengan Israel — selama 20 minit di Vatikan pada Mei 2.

Raja Abdullah memberitahu Bapa Suci bahawa Yordan "akan terus menjalankan peranan keagamaan dan sejarahnya dalam men-



*Sri Paus Fransiskus bersama Raja dan Ratu Yordan, Raja Abdullah dan Ratu Rania. Jaga tapak suci di Yerusalem, di bawah Penjagaan Hashemite,*

demikian petikan dari istana diraja Yordan dalam catatan di X.

Ditubuhkan pada tahun 1924, penjagaan itu merujuk kepada peranan keluarga diraja Hashemite Yordan dalam melindungi tapak suci Islam dan Kristian di Yerusalem.

Raja Yordan juga menekankan keperluan untuk menghentikan serangan terhadap penduduk Palestine di Yerusalem dan Tebing Barat, juga memberi amaran "tentang akibat pelanggaran berterusan Israel ke atas tapak suci di Yerusalem."

Raja Abdullah juga menekankan

komitmen Yordan untuk menjaga tapak suci Kristian di Yordan, khususnya tapak pembaptisan Yesus, "Bethany Beyond the Yordan".

Sri Paus Fransiskus dan Raja Abdullah telah berulang kali menggesa gencatan senjata dan penyelesaian dua negara kepada konflik Israel-Palestin.

Kedua-dua pemimpin imi pertama kali bertemu pada 2014 semasa kunjungan apostolik Sri Paus Fransiskus ke Tanah Suci, termasuk singgah di Amman, ibu negara Yordan. — *media Vatikan*

## Logo dan moto perjalanan apostolik Bapa Suci ke Asia

TAKHTA SUCI: Pejabat Akhbar Takhta Suci telah mengeluarkan logo dan moto rasmi untuk lawatan Sri Paus Fransiskus yang akan datang ke Asia.

Perjalanan Sri Paus ke benua itu - Indonesia, Papua New Guinea, Timor Leste dan Singapura - dijadualkan berlangsung pada September 2-13, 2024.

**Perhentian pertama: Indonesia**  
Bapa Suci akan mendarat di Jakarta, Indonesia, pada September 3-6, 2024.


Logo untuk lawatan ini memaparkan Sri Paus dengan tangan diangkat sebagai berkat, berdiri di hadapan "Garuda" emas, burung helang suci yang mempunyai corak kain "batik" tradisional Indonesia dengan tema: "Iman - Persaudaraan - Belas Kasihan".

**Papua New Guinea: "Ajar kami berdoa"**

Seterusnya, Bapa Suci akan pergi ke Papua New Guinea, di mana beliau berada di situ sehingga September 9.

Bahagian tengah logo untuk lawatan ini ialah salib, yang digambarkan dalam warna yang menggambarkan matahari terbit dan terbenam Papua New Guinea.

Di atas, ditulis dalam lengkungan yang merupakan moto lawatan kepausan, "Semoga imanmu menjadi budayamu", iaitu pesan kepada orang Timor Leste bagi menghidupkan iman mereka mengikut budaya dan tradisi mereka.



New Guinea. Moto untuk Kunjungan Apostolik ini adalah "Berdoa", yang diilhamkan oleh permintaan para murid kepada Yesus: "Tuhan, ajarlah kami berdoa" (Luk 11:1).

**Timor-Leste dan nilai inkulturas**  
Dari Papua New Guinea, Bapa Suci berangkat ke Timor Leste sehingga September 11.

Di tengah-tengah logo untuk perjalanan apostolik ini, kita melihat Paus Fransiskus dengan tangan diangkat sebagai berkat. Di belakangnya adalah dunia, dari mana peta Timor Leste muncul.

Di atas, ditulis dalam lengkungan yang merupakan moto lawatan kepausan, "Semoga imanmu menjadi budayamu", iaitu pesan kepada orang Timor Leste bagi menghidupkan iman mereka mengikut budaya dan tradisi mereka.

**Singapura: Harapan untuk penga-**

Persinggahan terakhir Bapa Suci ialah republik Singapura, yang akan dilawatinya pada September 11-13.

Logo untuk Perjalanan Kerasulan ini menggambarkan salib bergaya, diilhamkan oleh bintang yang membimbing orang Majus, oleh Ekaristi dan oleh lima bintang Bendera Singapura.

Di kedua-dua sisi Salib terdapat moto Perjalanan Kerasulan: "Persatuan—Harapan."

"Kesatuan" menyatakan persekituan dan keharmonian di kalangan umat beriman, sama ada dalam Gereja dan dalam konteks masyarakat dan hubungan keluarga.

Sementara itu "Harapan" menyatakan bahawa Kunjungan Apostolik itu akan menjadi mercu harapan bagi orang Kristian di rantau ini, terutamanya bagi mereka yang mengalami diskriminasi dan penganiayaan. — *media Vatikan*

## Konsert antara agama sokong mangsa gempa Taiwan

TAIPEI: Pengikut Buddha dan Katolik di Taiwan berkumpul untuk menganjurkan konsert khas bagi menyokong mangsa gempa bumi dahsyat yang melanda pulau itu bulan lalu.

Bertajuk "Konsert Doa Keagamaan untuk Gempa Bumi 0403: Berkat Muzik dari Pantai Pasifik," acara amal di ibu kota Taipei pada Mei 5 itu adalah kerjasama antara Keuskupan Katolik Hualien dan Persatuan Buddhisme Kemanusiaan Bersatu, Chunghua.

Gempa bumi berukuran 7.2 magnitud, yang paling kuat dalam 25 tahun, menyebabkan kerosakan besar pada bangunan dan infrastruktur di wilayah timur Taiwan.

Dilaporkan bencana itu telah

membunuh sembilan orang dan mencederakan berpuluhan orang. Gegaran gempa itu turut dirasai di Jepun dan Filipina sehingga mengeluarkan amaran tsunami.

Semasa konsert itu, pasukan Katolik diketuai oleh Uskup Philip Huang Chao-ming dari Hualien, menyanyikan lagu dan membacakan doa sebagai tanda solidariti dengan masyarakat di Hualien, salah wilayah yang paling terjejas.

Persatuan Buddha yang menyertai konsert itu menyerahkan derma yang dikutip untuk mangsa gempa bumi kepada kerajaan Daerah Hualien dan kepada keuskupan Hualien untuk memulih keindahan pemandangan kawasan yang terjejas. — *ucanews.com*



*Uskup Hualien, Taiwan, Msgr Philip Huang Chao-ming memimpin doa semasa konsert antara agama untuk para mangsa gempa bumi Taiwan. Gambar: ucanews.com*

**AUDIENSI UMUM HARI RABU BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS**

# Dunia perlukan harapan Kristian

VATIKAN: Semasa audiensi umum Sri Paus pada hari Rabu, Mei 8, Sri Paus Fransiskus menumpukan perhatian kepada kepentingan nilai teologi harapan, dengan menyatakan bahawa ia adalah dasar penting kehidupan Kristian serta penawar yang kuat kepada nihilisme.

“Orang Kristian mempunyai harapan bukan melalui jasa mereka sendiri. Jika mereka percaya pada masa depan, itu adalah kerana Kristus mati dan bangkit semula dan memberi kita Roh-Nya,” kata Bapa Suci kepada ribuan umat beriman yang berkumpul di Dataran Sto Petrus. “Kita mengatakan bahawa harapan adalah nilai teologi. Ia bukan berpunca daripada kita, ia bukan suatu yang harus kita buktikan atau yakini tetapi ia adalah anugerah yang datang dari-pada Tuhan,” sambungnya.

Sri Paus Fransiskus menyatakan Sto Paulus sebagai contoh. Menurut Sri Paus, rasul itu menubuhkan “logik baru pengalaman Kristian bagi ramai orang Kristian yang masih meragui akan Yesus. Sto Paulus menjelaskan bahawa “kebangkitan Kristus” adalah asas di mana kehidupan baharu dilahirkan “tiada kekalahan dan kematian untuk selamanya.”

Tambahnya, peranan utama yang dimainkan oleh harapan dalam kehidupan seharian orang Kristian, adalah “jawapan yang ditawarkan kepada hati kita yang membolehkan orang Kristian menghadapi soalan-soalan eksistensial yang mendesak seperti: “Apa yang akan terjadi dengan saya? Apakah tujuan perjalanan hidup saya? Apakah yang dunia ini mahu daripada saya?”

Sri Paus memberi peringatan jika ketiadaan harapan maka ia akan “menghasilkan kesedihan,” yang boleh



*Sri Paus Fransiskus bertegur sapa dengan para penziarah yang menghadiri audiensi umum Hari Rabu di Dataran Sto Petrus, Mei 8. Gambar: Media Vatikan.*

menarik perhatian sikap nihilistik di mana seseorang jatuh ke dalam kepercayaan bahawa tiada makna untuk perjalanan hidup. Nihilistik adalah antitesis kepada kehidupan Kristian”.

“Jika harapan hilang, semua kebaikan lain berisiko punah dan berakhir seperti abu,” ujar Sri Paus Fransiskus.

Jelasnya, tanda-tanda mereka yang tidak percaya pada harapan ialah “nostalgia yang buruk, kemurungan, berfikir bahawa kebahagiaan masa lalu terkubur selama-lamanya atau putus asa.”

“Dunia hari ini sangat memerlukan kebaikan Kristian iaitu harapan,” kata Sri Paus Fransiskus sambil menyatakan bahawa kebaikan harapan apabila digabungkan dengan kesabaran, membentuk sifat asas mereka yang mencari kedamaian.

“Lelaki yang sabar adalah penenun kebaikan. Mereka bertegas menginginkan keamanan. Mereka yang dililahkan oleh

harapan dan sabar dapat melalui malam yang paling gelap.”

Dalam audiensi itu juga, Sri Paus Fransiskus menyapa penziarah dari Poland dan mengatakan, “Hari ini anda meraikan pesta Sto Stanislaus, Uskup dan Martir, penaung negara Poland.”

Semasa kepausannya, Sri Paus Sto Yohanes Paulus II, yang berbangsa Poland dan berkhidmat di “See of Stanislaus” sebagai Kardinal dan Uskup Agung Krakow sebelum dipilih sebagai Sri Paus, sering bercakap tentang Sto Stanislaus.

Sto Stanislaus dari Krakow, santo penaung Poland dan orang Poland pertama yang pernah dikanonisasi.

Gereja universal merayakan hari perayaannya pada April 11, negara Poland meraikannya secara nasional pada Mei 8 di mana beliau meninggal dunia pada 1079, setelah dibunuhi kerana iman oleh Raja Boleslaus II. — CNA/media Vatikan

## Lima Santo untuk percintaan, masalah hati

Jika anda sedang bergelut dengan masalah “hati”, kita boleh meminta pertolongan daripada beberapa lelaki dan wanita kudus.

Pada saat-saat ketika kita merindukan bimbingan dan penghiburan dalam hal cinta, berdoa syafaat kepada orang-orang kudus yang telah menunjukkan pengabdian yang luar biasa kepada Tuhan, dapat memberikan penghiburan dan kejelasan.

Berikut adalah lima orang kudus Katolik, yang masing-masing mempunyai keunikian untuk membantu dalam aspek cinta, juga menggambarkan kisah hidup dan sifat rohani mereka.

**Sto Rafael - Malaikat Agung**  
**Pelindung perkahwinan bahagia**

Sto Rafael, dikenali sebagai malaikat pen-

yembuh dalam Kitab Tobit, sering dipanggil untuk mendapatkan bantuan dalam mencari pasangan jiwa atau mengalami pertemuan yang menggembirakan.

Dia membimbing Tobias dalam perjalannya dan membawa penyembuhan kepada Tobit dan Sarah, menggambarkan peranannya dalam mengatur hubungan ilahi dan memupuk hubungan harmoni.

**Sta Rita dari Cascia**  
**Pelindung perkahwinan bermasalah**

Kehidupan orang kudus Itali ini melambangkan kesabaran, ketabahan, dan pengampunan dalam menghadapi kesukaran.

Walaupun mengalami kekecohan dalam perkahwinan yang ditandai dengan kecurangan dan keganasan suaminya, Rita tetap teguh iman, dan akhirnya berjaya mengubah hati suaminya. Dia adalah cahaya harapan bagi mereka yang melayari perkahwinan yang bermasalah.

**Sto Anthony dari Padua**  
**Pelindung mereka yang kehilangan cinta dan hubungan**

Orang kudus Fransiskan yang popular ini terkenal dengan keupayaannya untuk membantu individu mencari objek yang hilang dan juga masalah hati. Ramai yang berpaling kepadanya untuk mendapatkan

bimbining dan pemuliharaan dalam hubungan yang terputus atau bermasalah.

Belas kasihan dan empatinya yang mendalam bergema dengan mereka yang bergelut dengan kesakitan perpisahan atau sakit hati, menawarkan ketenangan dan harapan untuk perdamaian.

**Sto Yosef**  
**Pelindung keluarga dan kaum bapa**

Sebagai bapa dumiawi kepada Yesus dan pelindung Keluarga Kudus, Sto Yosef merangkumi sifat-sifat tidak mementingkan diri, dedikasi dan kerendahan hati dalam hubungan kekeluargaan.

Dia adalah pemberi syafaat yang teguh untuk keluarga yang menghadapi cabaran, membimbing ibu bapa dalam peranan mereka dan memupuk perpaduan dan kasih sayang dalam rumah tangga.

**Sto Valentine**  
**Pelindung para pasangan kekasih**

Sebagai santo penaung kekasih, dia dipanggil oleh mereka yang mencari keberkatan dalam hubungan romantis, pacaran dan perkahwinan. Komitmennya yang teguh untuk mengasihi, walaupun dalam menghadapi penganiayaan, berfungsi sebagai peringatan tentang kuasa transformatif kasih sayang dan belas kasihan yang sejati. — Aleteia

**PENULIS BERKICAU**

## Xenofobia

Presiden Amerika Syarikat, Joe Biden baru-baru ini menyebut Jepun sebagai “xenofobia” kerana dasar imigresen ketat Jepun.

Dalam perbincangan kontemporari mengenai imigresen, Jepun sering menonjol kerana penyeriman pendatang yang agak rendah berbanding negara maju yang lain.

Walaupun sesetengah pihak mungkin menafsirkan dasar imigresen Jepun sebagai xenofobia atau perkauman, namun jika kita selami lebih dalam, kita tahu bahawa negara matahari terbit itu amat menyanjung nilai budaya dan keinginan untuk mengelakkan tradisi serta adat resam sehingga mempengaruhi dasar imigresennya.

Di tengah-tengah keengganan Jepun untuk menerima imigresen berskala besar menunjukkan komitmen yang mendalam untuk mengekalkan identiti budayanya yang unik.

Jepun mempunyai latar belakang yang kaya dengan tradisi, adat resam dan norma masyarakat yang telah berkembang selama berabad-abad.

Dari upacara minum teh kepada perayaan tradisional seperti Hanami, perayaan bunga sakura dan Obon, memperingati nenek moyang seseorang, amalan budaya tersebut telah sebatasi dalam masyarakat Jepun.

Oleh itu, terdapat sentimen yang meluas dalam kalangan orang Jepun bahawa mengekalkan tradisi ini adalah penting untuk menjaga identiti kebangsaan mereka.

Walaupun Jepun mempunyai sejarah pertukaran budaya dan asimilasi yang panjang, terdapat kepercayaan yang lazim bahawa imigresen berskala besar boleh mengganggu keseimbangan dan menghalak perpaduan sosial. Akibatnya, sering timbul kebimbangan di kalangan penduduk Jepun terhadap dasar yang boleh membawa kepada perubahan demografi yang cepat atau peralihan budaya.

Adalah penting untuk menyedari bahawa dasar imigresen Jepun bukan semata-mata didorong oleh faktor budaya tetapi juga oleh perimbangan ekonomi dan geopolitik.

Status Jepun sebagai sebuah negara kepulauan dengan sumber semula jadi yang terhad secara telah membentuk pendekatannya terhadap imigresen dan hubungan luar. Oleh itu Jepun tetap berhati-hati tentang potensi implikasi sosial dan budaya daripada imigresen berskala besar.

Sweden pernah dipuji sebagai salah satu tempat perlindungan paling selamat di Eropah namun kini, ia bergelut dengan lonjakan ketara dalam jenayah, terutamanya serangan seksual yang dilakukan oleh pendatang.

Meskipun dasar imigresen Jepun ini tidak disenangi pendatang, Jepun telah mengambil langkah sejak beberapa tahun kebelakangan ini untuk menarik pekerja asing mahir dalam sektor yang menghadapi kekurangan buruh, seperti penjagaan kesihatan, pembinaan dan hospitaliti.

Dan saya tertarik dengan pengenalan kategori visa dan inisiatif untuk mempromosikan pendidikan bahasa Jepun kepada penduduk asing adalah contoh usaha untuk menangani keperluan pasaran buruh dan memelihara integriti budaya. — Cristian Martini Grimaldi, Ucanews.com

## KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Mingguan Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

**PERMOHONAN DOA SRI PAUS (MEI)**

**UNTUK PEMBENTUKAN LELAKI DAN WANITA RELIGIUS DAN SEMINARIAN:** Marilah kita berdoa agar lelaki dan wanita religius serta seminarian, bertumbuh dalam proses panggilan mereka sendiri melalui pembentukan manusia, pastoral, rohani dan komuniti, yang membimbing mereka menjadi saksi Injil yang boleh dipercayai.

Mei 19, 2024

## Lima peristiwa meriah diraikan serentak di Kuala Penyu

KUALA PENYU: Lima perayaan penting diraikan serentak di paroki St Peter Bundu baru-baru ini. Perayaan-perayaan tersebut ialah ulang tahun imamat Fr Roney Mailap yang ke-12, ulang tahun kelahiran Fr Paul Mikin yang ke-64, pengutusan ahli Jawatankuasa tertinggi Majlis Pastoral Paroki, pengutusan ahli jawatankuasa Komuniti Umat Katolik (KUK), komiti dan kerasulan serta meraihkan para baptisan baharu 2024.

Semua keraian ini dimulakan dengan perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Fr Ronny Mailap.

Dalam homilinya, Fr Ronny menekankan pentingnya kita, sebagai pengikut Kristus,



sentiasa ada hubungan yang intim dengan Tuhan Yesus supaya kita sentiasa dalam rahmat dan berkat-Nya.

Fr Ronny juga mengatakan bahawa lima acara meriah yang dirayakan pada hari itu adalah salah satu cara menghidupkan ker-

jasama dan semangat berjalan bersama di kalangan semua umat.

Selepas homili, Fr Ronny memberkati dan mengutus semua AJK tertinggi MPP, KUK, komiti dan kerasulan, seterusnya menyampaikan watikah pelantikan.

Selesai Misa Kudus, Sdra Jeffery Singli, Pengerusi MPP St Peter, di dalam ucapan alu-aluannya mengucapkan tahniah kepada semua ahli jawatan kuasa MPP dan KUK yang dilantik.

Ketika Fr Ronny berucap, paderi itu tidak lupa memetik nama Uskup Cornelius Piong, mengungkapkan terima kasih kepada Ketua Keuskupan Keningau itu, kerana membimbing serta mentahbisnya menjadi paderi, 12 tahun yang lalu.

Paderi yang berasal dari daerah Tenom itu mengharapkan supaya akan lebih banyak perkara yang baik dapat beliau lakukan untuk umat di Paroki St Peter. — Marcus Angang

## SMC lancar Hari Pelayanan

IPOH: Pada petang April 27 lalu, umat berpusu-pusu memasuki Pusat Aktiviti Paroki Dewan Peter Pang, yang meraikan bermula acara paroki pertama tahun ini untuk Gereja St Michael (SMC) iaitu pembukaan rasmi Hari Pelayanan.

Semasa Misa Kudus, paderi paroki Fr Anthony Liew telah berbicara tentang bagaimana umat harus menggunakan anugerah diberikan Tuhan sebagai penyalur berkat bagi sesama.

“Dengan berkhidmat dalam pelayanan, seseorang boleh belajar untuk melayani satu sama lain, belajar merendahkan hati dan mengalami lebih banyak kasih Tuhan,” kata Fr Anthony dalam homilinya.

Fr Anthony memuji semua orang yang berkhidmat dengan setia dalam pelayanan mereka semasa Misa untuk memastikan bahawa semua mengalami kasih dan kehadiran Tuhan.



Lebih 30 perkumpulan pelayanan telah mengadakan pameran aktiviti dan objektif pelayanan mereka. Terdapat juga pembentangan slaid selama sejam tentang aktiviti-aktiviti pelayanan.

Di SMC terdapat pelayanan liturgi dan bukan liturgi.

Bagi pelayanan bukan liturgi, terdapat

perkumpulan yang membantu Orang Asli dengan melawat mereka di kampung mereka dan Pelayanan terhadap Orang Miskin yang membantu keluarga miskin, tanpa mengira agama, agar kualiti hidup mereka bertambah baik.

Ada juga pelayanan di SMC yang menumpukan doa seperti Legio Maria (LOM) dan

perkumpulan Padre Pio yang mendoakan serta melawat orang sakit.

Fr Anthony juga menyentuh tentang pembinaan iman melalui kelas katekismus untuk pelajar, sesi Inisiasi Kristian Dewasa/RCIA untuk orang dewasa dan pelayaan pembentukan iman bagi sesiapa yang ingin mendalam iman mereka.

Paderi itu menegaskan bahawa kita semua perlu tahu tentang persediaan Gereja dan peranan yang dimainkannya dalam kehidupan sehari-hari kita.

Fr Anthony menggalakkan umat untuk menyertai mana-mana pelayanan dalam Gereja kerana keaktifan kita dalam pelayanan akan membantu kita menghayati lebih mendalam tentang Ekaristi.

Beliau juga mengingatkan umat SMC agar berdedikasi dan setia dalam pelayanan mereka tidak kira siapa pun paderi paroki kerana paderi paroki sentiasa berpindah.

## Merayakan Ekaristi bersama bonda Maria



KLANG: Formasi Ekaristi dan Maria yang dianjurkan di Gereja Our Lady of Lourdes telah menghimpunkan 500 umat pada Mei 1, 2024.

Formasi itu diadakan dalam tiga bahasa. Bagi Bahasa Malaysia, ia dikendalikan oleh Fr Selva dan Fr Eugene.

Fokus formasi ini adalah untuk mengupas dan mendalamkan maksud Ekaristi dan kaitannya dengan Santa Perawan Maria.

Bermula dari sesi pertama mengenai sejarah bagaimana Ekaristi menjadi pusat dan kemuncak dalam Misa Kudus sehingga bagaimana Ekaristi sepatutnya menjadi pusat utama dalam kehidupan seorang Katolik.

Sesi kedua pula iaitu memperkenalkan dan menjelaskan hubungan antara Ekaristi

dan Bonda Maria di mana Maria adalah tabut perjanjian baharu antara Tuhan dan umat manusia.

Sama seperti Tabut Perjanjian Lama yang dibuat suci dan dibuat dari emas yang termurni, Maria, Tabut Perjanjian Baru, dikaruniai oleh Tuhan untuk tujuan dan peranannya yang unik, di mana dia diciptakan dalam keadaan tanpa dosa dan sempurna.

Sesi ketiga pula membawa umat untuk merenung, sejauh mana rasa cinta dan taat mereka kepada Tuhan melalui Ekaristi.

Ketiga-tiga sesi dalam formasi itu telah menularkan makna mendalam Ekaristi dan semua umat agar membawa Yesus kepada orang lain lebih-lebih lagi di kalangan mereka yang masih belum mengenali Kristus.

## Anak-anak anggota tentera sukacita terima komuni pertama

GEMAS, Negeri Sembilan: Seramai 19 kanak-kanak telah menerima Komuni Suci pertama di Chapel St Christopher, Gemas pada Mei 4 lalu.

Upacara tersebut dirayakan dalam Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Albet Arockiasamy.

Para penerima Tubuh Yesus buat kali pertama ini merupakan anak-anak kepada anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) beragama Katolik yang sedang berkhidmat di Kem Tentera Syed Sirajuddin, Gemas, Negeri Sembilan.

Sempena Hari Anggota Bomba Sedunia, Fr Albet menekankan tentang pengorbanan dan komitmen para anggota Bomba demi menyelamatkan nyawa orang yang terperangkap dalam kesusahan, bencana, malapetaka atau tragedi.

Paderi itu berharap agar para anggota Bomba selalu dapat meneladani pengorbanan Yesus demi menyediakan keselamatan bagi

semua orang.

Kepada para penerima komuni pertama, mereka dinasihati agar perlu sentiasa bersedia untuk menerima Yesus setiap hari Minggu dan pada hari-hari wajib agar mereka dapat kekal dalam kasih Tuhan serta sedia menunjukkan kasih dalam tindakan sehari-hari.

Selepas Misa Kudus, acara diteruskan dengan penyerahan sijil kepada penerima Komuni Pertama.

Fr Albet mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada para pembimbing katekital yang telah membimbing serta mempersiapkan kanak-kanak tersebut sehingga mereka menerima Komuni. Acara diakhiri dengan majlis makan bersama para umat.

Sebagai persiapan rohani, para calon komuni pertama dan ibu bapa terlebih dahulu telah mengikuti retret sehari pada April 27, yang dikendalikan oleh Brother Charles Borromeo bersama guru-guru katekismus. — Priscilla Wilson



19 orang anak kepada Anggota Tentera Malaysia menerima Tubuh dan Darah Yesus buat pertama kali di Chapel St Christopher, Gemas.